

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Datuk Raime bin Unggi
[Tenom]
TARIKH : 18 Jun 2014
SOALAN : Datuk Raime bin Unggi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nilai import makanan negara bagi tempoh lima tahun iaitu 2009 hingga 2013 dan enam bulan pertama 2014 serta nyatakan negara mana yang menjadi penyumbang import tertinggi bagi makanan utama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nilai keseluruhan import makanan negara bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013 adalah sebanyak RM166.25 bilion. Nilai import makanan negara sepanjang tempoh tersebut mencatat peningkatan sebanyak 6.8% setahun daripada RM26.68 bilion pada tahun 2009 kepada RM38.88 bilion pada tahun 2013. Sementara itu, nilai import makanan negara bagi tempoh Januari-Februari 2014 adalah sebanyak RM6.94 bilion iaitu meningkat sebanyak 25.1% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013.

Antara punca peningkatan import makanan negara ini adalah kerana negara terpaksa mengimport komoditi yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan faktor ketidaksesuaian iklim seperti buah-buahan beriklim sederhana iaitu oren, epal dan anggur, sayur-sayuran beriklim sederhana dan gandum. Selain itu, pertambahan dalam populasi warganegara dan bukan warganegara turut menyumbang kepada peningkatan import makanan negara.

Bagi tahun 2013, negara-negara berikut merupakan penyumbang tertinggi kepada import makanan negara dan menyumbang sebanyak 77.0% daripada nilai keseluruhan import makanan negara pada tahun tersebut iaitu Republik Rakyat China (10.2%), Argentina (9.7%), India (9.1%), Indonesia (8.2%), Brazil (8.0%), Australia (7.9%), Thailand (7.7%), Amerika Syarikat (6.1%), New Zealand (5.6%) dan Vietnam (4.5%).